




World Leader In New Tropical Agriculture – Berkait Tradisi Penubuhan UPM



Tan Sri Dato' Rozali Ismail menyampaikan ijazah kepada para graduan Konvokesyen UPM kali ke-32.

**SERDANG, 22 Okt** – Keputusan Universiti Putra Malaysia (UPM) memilih untuk menjadi World Leader In New Tropical Agriculture adalah keputusan yang tepat kerana ia mempunyai hubungan tradisi dengan asas penubuhan UPM.

Pro Canselor UPM Tan Sri Dato' Rozali Ismail berkata pencapaian mullamat menerajui dunia dalam pertanian tropika perlu digembeleng sepenuhnya agar manfaatnya boleh dinikmati bersama.

"UPM bukan sekadar memimpin negara dalam menyelesaikan masalah bersifat domestik tetapi turut melangkaui sempadan antarabangsa.

"Usaha penerokaan khazanah seharusnya dilaksanakan dengan cara yang terancang agar eksplorasinya mampu membawa manfaat kepada kualiti hidup manusia sejagat," katanya ketika berucap pada Majlis Konvokesyen ke-32 UPM pada sesi tujuh di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, UPM.

Rozali berkata bidang seperti pertanian, perubatan, kejuruteraan, perhutanan, pemakanan dan sebagainya boleh dibangunkan melalui konsep The New Tropical Agriculture.

Sementara itu Pro Canselor UPM Tan Sri Dato' Dr. Nayan Ariffin turut menyampaikan ucapan beliau pada sesi lapan (petang) pada hari yang sama.

Seramai 114 graduan UPM dianugerahkan ijazah sarjana, bachelo 1418 dan diploma 49 orang pada sesi tujuh dan lapan majlis tersebut.



Tan Sri Dato' Dr. Nayan Ariffin menyampaikan ijazah kepada graduan pada Majlis Konvokesyen UPM ke-32.

Oleh: Unit Media, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.